

**Kn. P.U. 12.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGA DAN  
PELUPUSAN SAMPAH-SARAP (MAJLIS DAERAH GUA MUSANG) 2019**

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II  
PEMBUANGAN SAMPAH**

3. Larangan meletak dan membuang sampah

4. Tong sampah
5. Tong sampah awam
6. Pembuangan sampah-sarap rumah

7. Sampah di bangunan berbilang tingkat  
Undang-  
Undang  
Kecil

8. Sampah-sarap taman
9. Sampah-sarap kelengkapan rumah
10. Buangan efluen
11. Pembuangan buangan perindustrian dan buangan perdagangan
12. Larangan di tapak pelupusan sampah

13. Membuang kenderaan buruk dan tidak berguna
14. Larangan mengganggu isi kandungan tong sampah
15. Larangan membakar bahan buangan
16. Larangan membuang arang batu, bahan letupan, dsb.
17. Kawasan kampung

**BAHAGIAN III  
PENGUATKUASAAN**

18. Kuasa menyita, menahan dan mengalih benda

**BAHAGIAN IV  
AM**

19. Penalti
20. Pengkompaunan kesalahan
21. Pemansuhan, kecualian dan peralihan

JADUAL

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGA DAN  
PELUPUSAN SAMPAH-SARAP (MAJLIS DAERAH GUA MUSANG) 2019**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Gua Musang membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

**Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap (Majlis Daerah Gua Musang) 2019.
- (2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan pentadbiran Majlis Daerah Gua Musang.
- (3) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyiarnya dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bahan buangan” termasuklah apa-apa keluaran sampingan, benda atau barang yang dibuang, ditolak atau rosak dalam proses pengilangan sama ada mempunyai nilai perdagangan atau tidak;

“bahan buangan bangunan” ertinya sampah yang dihasilkan semasa pembinaan rumah atau bangunan atau projek dan termasuklah apa-apa batu, kayu, pasir, tanah, simen, atap, zink atau bahan binaan lain;

“buangan perdagangan” ertinya apa-apa bahan buangan yang dijanakan oleh apa-apa aktiviti perdagangan;

“buangan perindustrian” ertinya apa-apa cecair buangan atau bahan buangan yang dijanakan daripada apa-apa aktiviti perindustrian;

“buang sampah” mempunyai erti yang sama yang disebutkan di bawah seksyen 47 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133];

“efluen” ertinya kumbahan termasuklah—

(a) cecair buangan yang dihasilkan di mana-mana premis, dan

(b) apa-apa pelepasan yang dijanakan oleh proses perindustrian.

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Gua Musang;

“sampah-sarap kelengkapan rumah” termasuk perabot, televisyen, peti sejuk, penyejuk beku, penghawa dingin, apa-apa lekapan dinding atau lantai dan lain-lain yang seumpamanya;

“sampah-sarap isi rumah” ertinya apa-apa bahan buangan yang dijanakan dari rumah tetapi tidak termasuk sampah-sarap taman, sampah-sarap kelengkapan rumah atau bahan buangan bangunan;

“sampah-sarap taman” termasuk daun, rumput, penjalar, pokok, dahan, atau tanah dari taman atau perkarian sesebuah rumah atau bangunan atau jika tidak ada rumah atau bangunan, dari mana-mana tanah;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis Daerah Gua Musang;

“tempat awam” mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan termasuklah setiap lebuh raya, lebuh, jalan, jambatan, medan, jalan kecil, lorong, taman awam dan setiap panggung, tempat hiburan awam atau tempat kunjungan awam yang dikenakan bayaran untuk masuk atau tidak, atau orang awam mempunyai akses;

“tong sampah” ertinya sesuatu bekas yang disediakan untuk menyimpan sementara sampah sarap dan bahan buangan sebelum ianya dipungut;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Gua Musang dengan sah disisi undang-undang.

## BAHAGIAN II PEMBUANGAN SAMPAH

### **Larangan meletak dan membuang sampah**

3. Tiada seorang pun dibenarkan meletak atau membuang apa-apa sampah di mana-mana tempat awam atau mana-mana tempat yang tidak ditetapkan oleh Majlis sebagai tempat buang sampah.

### **Tong sampah**

4. Tuan punya atau penghuni tiap-tiap rumah atau bangunan hendaklah mempunyai tong sampah yang bertutup dan hendaklah diselenggara dalam keadaan baik.

**Tong sampah awam**

5. (1) Majlis boleh menetapkan mana-mana tempat untuk diletakkan tong sampah awam sebagai tempat buang sampah.

(2) Majlis pada bila-bila masa boleh menetapkan apa-apa syarat dan arahan-arahan mengenai cara penggunaan tong sampah awam.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa syarat dan arahan-arahan dibawah perenggan (2) adalah melakukan kesalahan.

**Pembuangan sampah-sarap isi rumah**

6. (1) Semua sampah-sarap isi rumah hendaklah diisi dalam beg plastik dan diikat, sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah rumah.

(2) Apa-apa kaca pecah, tin dan benda yang tajam hendaklah dibungkus dan dimasukkan ke dalam bekas guna habis yang berasingan dan diletakkan bersebelahan tong sampah rumah untuk dipungut.

(3) Tong sampah rumah hendaklah diletakkan di sebelah luar pagar, di lorong belakang rumah atau di mana-mana tempat lain yang ditetapkan oleh Majlis untuk memudahkan pemungutan sampah.

(4) Semua tong sampah rumah hendaklah diletakkan di dalam kaki tong sampah, kebuk sampah atau seumpamanya yang diluluskan oleh Majlis.

(5) Selain sampah-sarap isi rumah, pembuangan sampah sarap kelengkapan rumah hendaklah tertakluk kepada undang-undang kecil 9.

(6) Majlis boleh menetapkan bayaran untuk perkhidmatan pemungutan sampah rumah.

**Sampah di bangunan berbilang tingkat**

7. (1) Di bangunan berbilang tingkat di mana pelongsor sampah telah disediakan, Perbadanan Pengurusan bangunan atau jika tiada Perbadanan Pengurusan seperti itu, penduduk bangunan itu hendaklah menyediakan dan mengadakan tong sampah yang mana hendaklah diletakkan di dalam kebuk sampah.

(2) Tong sampah itu hendaklah dari saiz yang cukup untuk memadankan kebuk sampah yang disediakan di sebelah bawah pelongsor sampah dalam bangunan itu.

(3) Perbadanan Pengurusan bangunan atau penduduk hendaklah pada setiap masa menyelenggarakan pelongsor sampah, corong logam pelongsor dan pintu logam ke kebuk sampah.

(4) Jika tong sampah, pelongsor sampah, pintu logam, corong logam atau kebuk sampah tidak berada di dalam keadaan di mana ia boleh digunakan dengan baik, Majlis boleh mengarahkan supaya Perbadanan Pengurusan bangunan atau penduduk atau pemunya premis menggantikan atau memperbaiki sebarang kecacatan.

**Sampah-sarap taman**

8. (1) Semua sampah-sarap taman hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik dan diletakkan dekat dengan tong sampah untuk dipungut.

(2) Sekiranya sampah-sarap taman dikumpulkan dalam jumlah yang banyak, tuan punya atau penghuni bangunan atau tanah boleh memohon kepada Majlis supaya memungut sampah-sarap taman itu dengan membayar kepada Majlis bayaran seperti dalam Jadual.

**Sampah-sarap kelengkapan rumah**

9. Sampah-sarap kelengkapan rumah hendaklah—

(1) dibuang oleh tuan punya atau penghuni di satu kawasan yang ditetapkan oleh Majlis; atau

(2) di atas permohonan tuan punya atau penghuni, dibuang oleh Majlis dengan bayaran seperti dalam Jadual.

**Buangan efluen**

10. Tiada seorang pun boleh melepas atau menyebab atau memberar dilepaskan sebarang efluen kecuali efluen terolah yang mematuhi had pelepasan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen-Efluen Industri) 1979 [P.U. (A) 12/79], pada tempat atau tempat-tempat pelepasan efluen sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis dan diluluskan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar.

**Pembuangan buangan perindustrian, perdagangan dan perniagaan**

11. (1) Apa-apa buangan perindustrian atau buangan perdagangan kecuali buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 [P.U. (A) 139/89], hendaklah dilupuskan oleh badan-badan perindustrian atau perdagangan yang berkenaan di mana-mana satu tempat longgokan sampah yang diselenggarakan oleh Majlis atau dengan cara yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh menetapkan dan mengenakan bayaran perkhidmatan kutipan dan penyelenggaran sampah kepada mana-mana premis perniagaan atau kepada pemegang lesen perniagaan berdasarkan jenis perniagaan sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis.

### **Larangan di tapak pelupusan sampah**

12. (1) Tiada seorang pun boleh memasuki dan menjalankan apa-apa aktiviti di kawasan pelupusan sampah kecuali dibenarkan secara bertulis oleh Yang Dipertua.

(2) Walau apa pun yang terkandung dalam perenggan (1) Yang Dipertua boleh mengenakan fi yang tertentu sebelum kebenaran diberikan.

(3) Tertakluk kepada perenggan (1) dan (2), tiada seorang pun boleh mengais, menyelongkar atau mengalihkan apa-apa bahan buangan daripada kawasan tempat pelupusan sampah.

### **Membuang kenderaan buruk dan tidak berguna**

13. (1) Apa-apa kenderaan buruk atau tidak berguna hendaklah dibuangkan oleh tuan punya di tempat pembuangan atau pelupusan sampah yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Tuan punya kenderaan buruk dan tidak berguna boleh memohon kepada Yang Dipertua supaya kenderaan buruk dan tidak berguna itu dibuangkan oleh Majlis dengan membayar bayaran seperti dalam Jadual.

### **Larangan mengganggu isi kandungan tong sampah**

14. Tiada seorang pun boleh mengais atau menyelongkar, atau mengalih apa-apa jua benda, atau menumpahkan atau menyelerakkan apa-apa jua isi kandungan mana-mana tong sampah.

### **Larangan membakar bahan buangan**

15. Tiada seorang pun boleh membakar atau menyebabkan dibakar bahan-bahan pembakar, sampah-sarap atau bahan buangan melainkan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan sebagaimana di dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Pembakaran Terbuka) 2000 [P.U. (A) 308/2000] mengikut cara dan tempat yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar dan Majlis.

### **Larangan membuang arang batu, bahan letupan, dsb.**

16. Sampah-sarap binaan, batu arang, bahan mudah terbakar atau bahan letupan tidak boleh dimasukkan ke dalam tong sampah rumah atau mana-mana tong lain yang disediakan untuk mengisi sampah tetapi hendaklah dilupuskan mengikut cara yang diperuntukkan bagi membuang sampah perindustrian.

### **Kawasan kampung**

17. Tuan punya atau penghuni mana-mana rumah atau bangunan yang di dalam kawasan kampung hendaklah menyediakan lubang yang mempunyai saiz yang mencukupi untuk pengisian bahan buangan dan hendaklah bertanggungjawab untuk membuang dan menghapuskan bahan buangan tersebut sama ada dengan menanam atau membakarnya.

**BAHAGIAN III  
PENGUATKUASAAN**

**Kuasa menyita, menahan dan mengalih benda**

18. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh menyita, menahan atau mengalihkan apa-apa benda atau barang atau kenderaan yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

(2) Apa-apa benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) ini adalah daripada jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Yang Dipertua dalam tempoh tujuh hari bekerja dari tarikh benda atau barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Yang Dipertua berdasarkan Jadual.

(4) Sekiranya, tiada apa-apa tuntutan dibuat selepas tempoh tujuh hari, Yang Dipertua atau pegawai yang diberi kuasa boleh melupuskan benda atau barang itu mengikut cara yang ditentukan Yang Dipertua dan apa-apa hasil yang diperoleh hendaklah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan.

(5) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa oleh Yang Dipertua tidaklah bertanggungan kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini.

**BAHAGIAN IV  
AM**

**Penalti**

19. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi mana-mana kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

### **Pengkompaunan kesalahan**

20. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua, dengan keizinan Pendakwa Raya, boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Undang-Undang Kecil ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu kepada Majlis dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Suatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

### **Pemansuhan, kecualian dan peralihan**

21.(1) Tertakluk kepada perenggan (2) apabila Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa, Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap (Majlis Daerah Gua Musang) 2012 yang telah diwartakan melalui Kn.P.U. 11 Tahun 2012 (selepas ini disebut Undang-Undang Kecil termansuh) hendaklah terhenti berkuat kuasa dan hendaklah disifatkan telah dimansuhkan.

(2) Walau apa pun perenggan (1)–

(a) tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa atau dihukum di bawah Undang-Undang Kecil termansuh bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil termansuh sebelum mula berkuat kuasanya Undang-Undang Kecil ini;

(b) apa-apa prosiding di bawah Undang-Undang Kecil termansuh yang belum diputuskan sebelum mula berkuat kuasa Undang-Undang Kecil ini hendaklah diterangkan di bawah Undang-Undang Kecil termansuh seolah-olah Undang-Undang Kecil ini tidak dibuat;

- (c) apa-apa lesen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil termansuh hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa sehingga tamat tempoh baginya ia telah diberikan tetapi ia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan mana-mana peraturan dan boleh dibatalkan di bawah dan mengikut Undang-Undang Kecil ini; dan
- (d) apa-apa pelantikan atau penguatkuasaan yang dibuat di bawah Undang-Undang Kecil termansuh hendaklah berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia telah dibuat di bawah Undang-Undang Kecil ini, sehinggalah pelantikan atau penguatkuasaan itu dibatalkan atau disatukan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

#### JADUAL

[Undang-Undang Kecil 8(2), 9(2), 13]

Bil.	Jenis Perkhidmatan	Bayaran bagi setiap satu lori atau sebahagiannya (RM)
1.	Sampah sarap taman	50.00 - 500.00
2.	Sampah-sarap kelengkapan rumah (perabot, besi buruk, dsb)	50.00 - 500.00
3.	Kenderaan buruk	100.00 - 800.00
Bil.	Jenis Perkhidmatan	Bayaran bagi setiap satu lori atau sebahagiannya (RM)
	Jarak Tempat Pelupusan Sampah dengan Tempat Kutipan Sampah	2.00
	Setiap satu kilometer (km)	

[Undang-Undang Kecil 18 (3)]

Bil.	Jenis Perkhidmatan	Bayaran bagi setiap satu lori atau sebahagiannya (RM)
1.	Benda atau barang selain dari kenderaan.	10.00 - 100.00 bagi setiap benda atau barang
2.	Kenderaan	50.00 - 500.00 bagi setiap kenderaan

Bertarikh 30 April 2014  
[SUK.D.200(05)472/36/2(21)]

HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Daerah Gua Musang*

Disahkan 28 Oktober 2015  
[SUK.D.200(05)849/1Jld.6(7)]

HAJI MOHD ARIF BIN MOHD NOR  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Kelantan*

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976****REFUSE COLLECTION, REMOVAL AND DISPOSAL  
(GUA MUSANG DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 2019**

---

**ARRANGEMENT OF BY-LAWS**

---

**PART I  
PRELIMINARY****By-Laws**

1. Citation, application and commencement
2. Interpretation

**PART II  
LITTERING**

3. Prohibition on deposit and littering
4. Refuse bins
5. Public refuse bins
6. Disposal of household refuse
7. Refuse of the multi-storey building
8. Garden refuse
9. Home appliances refuse
10. Discharge of effluents
11. Dumping of industrial wastes and commercial wastes
12. Prohibition at disposal ground area
13. Dumping of derelict and unwanted vehicle
14. Prohibition on tampering with contents of bins

By-Laws

15. Prohibition on burning of waste material
16. Prohibition on the disposal of coal, explosive substance, *etc.*
17. Village area

**PART III  
ENFORCEMENT**

18. Power of seizure, detain and remove things

**PART IV  
GENERAL**

19. Penalty
20. Compounding of offences
21. Repeal, saving and transitional

**SCHEDULE**

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976****REFUSE COLLECTION, REMOVAL AND DISPOSAL  
(GUA MUSANG DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 2019**

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the District Council of Gua Musang makes, and pursuant to section 103 of the Act, the State Authority confirms the following by-laws:

**PART I**  
**PRELIMINARY**

**Citation, application and commencement**

1. (1) These by-laws may be cited as the Refuse Collection, Removal and Disposal (Gua Musang District Council) By-Laws 2019.
- (2) These By-Laws shall apply only to the area administered by the Gua Musang District Council.
- (3) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

**Interpretation**

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“waste matter” includes any by-product, article or goods disposed, rejected or damaged in the process of manufacture, with or without commercial value;

“building material waste” means the refuse produced during the construction of any house or building or project and includes any stone, wood, sand, earth, cement, attap, zinc or other building material;

“commercial waste” means any waste matter generated by any commercial activity;

“industrial waste” means liquid waste or waste matter generated by any industrial activities;

“littering” means any act as mentioned under section 47 of the Street, Drainage and Buildings Act 1974 [Act 133];

“effluent” means sewage includes—

- (a) liquid waste produced in any premise; and

(b) any discharge generated from industrial process.

“Council” means the Gua Musang District Council;

“home appliances refuse” includes furniture, television, refrigerator, freezer, air conditioner, any wall or floor fixtures and other similar;

“household refuse” means any waste matter generated from the house excluding garden refuse, home appliance refuse or building material waste;

“garden refuse” includes leaves, grass, creepers, trees, branches or earth from a garden or lawn of any house or building or if there is no house or building, from any land;

“Secretary” means Secretary of Gua Musang District Council;

“public place” has the same meaning as assigned to it under the Local Government Act 1976 and includes every highway, street, road, bridge, court, alley, lane, public garden and every theatre, place of public entertainment or other place of general resort to which admission is obtained by payment or gratuitously to which the public have access;

“refuse bins” means a container is provided to temporarily store refuse and waste matter before it is collected;

“President” means the person for the time being lawfully performing the duties of the President of Gua Musang District Council.

## PART II LITTERING

### **Prohibition on deposit and littering**

3. No person shall be allowed to deposit or litter any refuse in any public place or any place not determined by the Council as a dumping site.

### **Refuse bins**

4. The owner or occupier of every house or building shall provide refuse bin with lid and shall be maintained in good condition.

### **Public refuse bins**

5. (1) The Council may designate any place to put public refuse bins as a place to dispose of refuse.

(2) The Council at any time may prescribe such rules and instructions on how to use public refuse bins.

(3) Any person who fails to comply with such conditions and directions under paragraph (2) is guilty of an offense.

### **Disposal of household refuses**

6. (1) All household refuse shall be put into plastic bag and to be tied before being put into the refuse bin.

(2) Any broken glass, cans and sharp objects shall be wrapped and put into a separate disposable receptacle and placed close to the refuse bin for collection.

(3) The household refuse bin shall be placed outside the gate, on a back lane or at any other convenient place specified by the Council to facilitate the collection of refuse.

(4) All refuse bins shall be placed within the refuse bins stand or the refuse chamber or the likewise as approved by the Council.

(5) Other than household refuse, the disposal of home appliances refuse shall be subjected to by-laws 9.

(6) The Council may impose fees for the collection of household refuse.

### **Refuse of the multi-storey buildings**

7. (1) In a multi-storey building where a refuse chute has been provided, the Management Corporation of the building or if there is no such corporation, the occupier of the building shall provide and maintain a refuse bin, which shall be placed in the refuse chamber.

(2) The refuse bin shall be of a sufficient size to fit the refuse chamber provided at the bottom of the refuse chute in the building.

(3) The Management Corporation or the occupier of the building shall at all times maintain the refuse chute, the metal hopper of the chute and the metal door to the refuse chamber.

(4) If the refuse bin, the refuse chute, the metal door, the metal hopper or the refuse chamber is not in a proper working condition, the Council may order the Management Corporation or the occupier or owner of the premise to replace or repair any defect.

### **Garden refuse**

8. (1) All garden refuse shall be put into plastic bags and placed close to the refuse bin for collection.

(2) If the garden refuse collected in large numbers, the owner or occupier of a building or land may apply to the Council to collect and dispose garden refuse by paying to the Council such fee as in Schedule.

**Home appliances refuse**

9. Home appliances refuse shall be—

- (1) disposed by the owner or occupier at an area determined by the Council; or
- (2) on application by the owner or occupier, disposed by the Council on payment of fee determined as in Schedule.

**Discharge of effluents**

10. No person shall discharge or cause or permit the discharge of any effluent unless regenerated effluent that complies with the discharge limit prescribed under the Third Schedule, Environmental Quality (Sewage and Industrial Effluents) Regulations 1979 [P.U. (A) 12/79] or at the point or points of discharge of effluents as determined by the Council and approved in writing as the Director General of the Department of Environment.

**Dumping of industrial waste, commercial waste and trade waste**

11. (1) Any industrial waste or commercial waste except those listed under the First Schedule of the Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations 1989 [P.U. (A) 139/89] shall be disposed off by the respective industry or commercial establishment at one of the dumping grounds maintained by the Council or in the manner as prescribed by the Council.

(2) Council may impose a services fee of collecting and maintenance of refuse to any trade premises or trade license holder base on the type of trade as approved by the Council.

**Prohibition at dumping ground area**

12. (1) No person shall enter into the dumping ground area unless permitted in writing by the President.

(2) Notwithstanding paragraph (1), the President may impose certain fee before permission is granted.

(3) Subject to paragraph (1) and (2), no person shall rake, grub in or remove any waste material from the dumping ground area.

**Dumping of derelict and unwanted vehicle**

13. (1) Any derelict and unwanted vehicles shall be disposed off by the owner at the dumping ground as determined by the Council.

(2) The owner of any derelict and unwanted vehicle may apply to the President so that the derelict and unwanted vehicle will be disposed off by the Council on payment of fees as determined as in Schedule.

**Prohibition on tampering with contents of bin**

14. No person shall rake or grub in, or remove anything from or spill or scatter any of the contents of any refuse bin.

**Prohibition on burning of waste material**

15. No person shall burn or cause to be burnt any combustible materials, refuse or waste matter except in such activities as prescribed in the Environmental Quality Act 1974 [Act 127] and Environmental Quality (Prescribed Activities) (Open Burning) Order 2000 [P.U. (A) 308/2000] and in such manner and place approved by the Chief Director of Environment and Council.

**Prohibition on the disposal of coal, explosive substance, etc.**

16. Any building material waste, coal, highly inflammable or explosive substance shall not be put into the domestic refuse bins or any other bins provided for the collection of refuse but shall be disposed off in the manner provided for the removal of industrial waste.

**Village area**

17. The owner or occupier of any house or building in the village area shall provide a pit of sufficient size for the reception of such waste matter and shall be responsible for the disposal of such waste matter by either burying or burning it.

**PART III  
ENFORCEMENT**

**Power of seizure, detain and remove things**

18. (1) The President, Secretary or any officers authorized in writing by the President may seize, detain or remove any things or goods or vehicles in contravention of this By-Laws with the risk to be borne by the owner.

(2) Where any things or goods seized under paragraph (1) are of perishable nature or are subject to speedy and natural decay or where the custody of such things or goods involves unreasonable expense and inconvenience, or is believed to cause hazard to the public, the authorized officer may direct that such things or goods may be disposed off in any manner as determined by the President.

(3) Any person who claims any things or goods other than things or goods disposed under paragraph (2) above, may claim such things or goods from the President within a period of seven working days from the date of such things or goods being seized subject to any condition and payment imposed by the President base on Schedule.

(4) If there is no claim made after the period of seven days expires, the President may dispose such things or goods according to the manner determined by the President and any revenue received shall be credited to the Local Authority Fund.

(5) The President or any authorised officer by the President shall not be liable to any person for any deterioration, however caused, in the quality of any things or goods seized under these By-Laws.

**PART IV  
GENERAL**

**Penalty**

19. Any person who contravenes any of the provisions of these By-Laws shall be guilty of an offence and shall upon conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both such fine and imprisonment and in the case of a continuing offence to a fine not exceeding two hundred ringgit for each day during which such offence is continued after conviction.

**Compounding of offences**

20. (1) The President, Secretary or any officers authorized in writing by the President, with the consent of the Public Prosecutor, may compound any offence committed by any person under these By-Laws by making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money not exceeding the amount fifty percent of the amount of the maximum fine for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under paragraph (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the President, Secretary or any officers authorized in writing by the President, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under paragraph (1), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and anything seized in connection with the offence shall be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

(4) All monies received under these By-Laws shall be paid into the fund constituted under any law relating to local government.

**Repeal, saving and transitional**

21. (1) Subject to paragraph (2) when the By-Laws is enforced, Refuse Collection, Removal and Disposal (Gua Musang District Council) By-Laws 2012, that was gazetted by Kn.P.U.11 Of 2012 (after this will be known as repealed By-Laws) must stopped being enforced and treated as repealed.

(2) Notwithstanding anything in paragraph (1)—

(a) nothing that consist in these By-Laws can prevent anyone from being charged or convicted under the repealed By-Laws in any offences done under the repealed By-Laws before the enforcement of these By-Laws;

- (b) any proceeding made under the repealed By-Laws and where the court has not yet decided before the enforcement of these By-Laws shall be explained under the repealed By-Laws as if the By-Laws were never made;
- (c) any license issued under the repealed By-Laws shall continuously be enforced and has authorisation until it reaches its due but it shall be subjected to the provisions of these By-Laws and any rules and can be revoked under these By-Laws; and
- (d) any appointment or enforcement made under the repealed By-Laws shall be in force and enforce as if it was made under these By-Laws, until the appointment or enforcement is revoked or joined under these By-Laws.

#### SCHEDULE

[By-Laws 8(2), 9(2), 13)]

No.	Type of Service	Fee per lorry or part of (RM)
1.	Garden refuse	50.00 - 500.00
2.	Home appliances refuse (furniture, scrap and etc.)	50.00 - 500.00
3.	Derelict and unwanted vehicles	100.00 - 800.00
	Distance of Waste Disposal and Waste Collection Area	2.00
	Each kilometer (km)	

[By-Laws 18 (3)]

No.	Items	Fee for seize, detain and remove (RM)
1.	Things or goods except vehicles	10.00 - 100.00 for each things or goods
2.	Vehicles	50.00 - 500.00 for each vehicles

Dated 30 April 2014  
[SUK.D.200(05)472/36/2(21)]

HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD  
*President*  
*Gua Musang District Council*

Confirmed on 28 October 2015  
[SUK.D.200(05)849/1 Jld.6(7)]

HAJI MOHD ARIF BIN MOHD NOR  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Kelantan*